

Headline	Perlu dilakukan secara berterusan		
MediaTitle	Sinar Harian (Johor)		
Date	01 Apr 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	21	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	207 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,450
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,350



Perlu dilakukan secara berterusan

SEGAMAT - Program Jualan Sentuhan Rakyat Parlimen Segamat perlu dilakukan secara berterusan bagi memberi peluang kepada rakyat mendapatkan keperluan harian dengan harga lebih rendah dan berpatutan.

Ahli Parlimen Segamat, Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata, ini kerana program jualan seperti ini tepat menuju ke golongan sasaran dan dapat mengurangkan kos sara hidup rakyat.

"Melalui program ini, orang ramai boleh mendapatkan pelbagai barangan keperluan harian pada harga antara 5 sen hingga RM1 lebih murah bagi produk atau setiap kilogram berbanding yang ditawarkan dalam pasaran semasa.

"Sekiranya diadakan secara berterusan, kita berharap inisiatif ini akan dapat me-

ngurangkan kos sara hidup rakyat, terutama dalam menguruskan perbelanjaan dapur mereka selain dapat mendidik peniaga agar mengawal harga jualan mereka" katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya sewaktu merasmikan Program Jualan Sentuhan Rakyat Parlimen Segamat di Taman Bendahara, di sini, semalam.

Menurutnya, penganjuran program itu turut mendapat kerjasama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama)

"Selain dilihat membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat, kita juga berharap program ini secara tidak langsung dapat menurunkan harga barangan seumpama ini di kawasan lain," katanya.



Subramaniam (tengah) sewaktu Jualan Sentuhan Rakyat di Taman Bendahara.